

**PERBANDINGAN KESATUAN MELAYU MUDA  
DAN PARTI KUOMINTANG DALAM  
NASIONALISME PADA ABAD KE-20**

**MUHAMMAD IKRAM HIDAYAT BIN IDRIS**



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**2022**

**PERBANDINGAN KESATUAN MELAYU MUDA DAN PARTI  
KUOMINTANG DALAM NASIONALISME PADA ABAD KE-20**

**MUHAMMAD IKRAM HIDAYAT BIN IDRIS**

**TESISINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SYARAT  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SOSIAL**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN UNIVERSITI  
MALAYSIA SABAH 2022**

## **PENGAKUAN**

Kajian ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



12 OGOS 2022

---

MUHAMMAD  
IKRAM HIDAYAT  
BIN IDRIS  
BA19110180



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

NAMA : MUHAMMAD IKRAM HIDAYAT BIN IDRIS  
NO MATRIK : BA19110180  
TAJUK : PERBANDINGAN KESATUAN MELAYU MUDA DAN PARTI KUOMINTANG DALAM NASIONALISME PADA ABAD KE-20  
IJAZAH : IJAZAH SARJANA MUDA



**DISAHKAN OLEH**  
**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

A handwritten signature in black ink, appearing to read "ART".

### PENYELIA

Profesor Madya Dr Abdul  
Rahman Tang Abdullah

PROF. MADYA DR A RAHMAN TANG ABDULLAH  
PROGRAM SEJARAH  
FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **PENGHARGAAN**

Syukur kepada hadrat ilahi kerana limpah dan kurnianNya serta rahmat atas keizinanNya memberi kekuatan kepada pengkaji dalam menyiapkan kajian ini dengan sebaiknya. Syukur juga dengan tempoh masa yang diberikan oleh pihak Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Kajian ini amat mengkaji soal perbandingan antara Kesatuan Melayu Muda dan Parti Kuomintang dalam nasionalisme pada abad ke-20 dimana sekitar era tersebut banyak berlaku kebangkitan-kebangkitan nasionalisme yang seakan menjadi sebuah fenomena atas kesedaran terhadap cinta akan bangsa dan tanah air daripada ancaman musuh dan berusaha memajukan bangsa dan negara yang dicintai. Kajian ini amatlah penting dalam usaha memperlihatkan kepentingan nasionalisme dalam memartabatkan perjuangan nasionalisme yang menjadi tunjang kebangkitan bangsa dalam usaha memajukan dan mempertahankan tanah air yang harus dipertahankan.

Dengan kesempatan ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada dihak yang terlibat dalam menjayakan dan memberikan kerjasama untuk menyiapkan kajian ini khasnya kepada Prof. Madya Dr Abdul Rahman Tang Abdullah. Tidak lupa juga kepada barisan pensyarah sejarah yang lain iaitu Dr. Mosli Tarsat, Dr. Maureen De Silva, Dr. Zainuddin Baco, Dr. Shaffie Bin Abdul Rahim, En. Shaukhi Mohd Radzi, En. Amrullah Bin Maraining, En. Eko Prayitno Joko, En. Baszley Bee Bin Basrah Bee, Prof Dr. Ismail Ali, Prof Madya Dr. Bilcher Bala serta barisan tutor-tutor yang banyak memberikan tunjuk ajar dalam menjalankan kajian yang dijalankan.

Ucapan terima kasih kepada Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah atas kemudahan yang disediakan untuk pengkaji mendapatkan rujukan dengan mudah. Kepada keluarga terutama kepada ibu bapa yang tercinta iaitu Idris Bin Mohd Piah dan Hasnah binti Yusoff dan adik beradik kerana telah memberikan sokongan kepada diri untuk menyiapkan kajian ini. Akhir sekali kepada rakan-rakan yang lain yang banyak membantu dan berkongsi ilmu dalam menyiapkan kajian ini segala jasa dan kerjasama kalian amatlah dihargai.

Muhammad Ikram Hidayat Bin Idris

12 Ogos 2022

## **ABSTRACT**

This study examines the comparison of the Kesatuan Melayu Muda and the Kuomintang Party in nationalism in the 20th century. In detail, this study will examine the nationalism between the Kesatuan Melayu Muda and the Kuomintang Party that defends the homeland and the nation that is fought for in a unique nationalistic aspiration. Therefore, in this study, several problem statements are stated, namely what is the background of the Kesatuan Melayu Muda and the Kuomintang Party as organizations with a nationalistic pattern, are there elements of the Kuomintang in the Kesatuan Melayu Muda, what is the comparison between the Kuomintang Party and the Kesatuan Melayu Muda in various aspects as a nationalistic organization . Therefore, to carry out this study, the researcher used a qualitative method, which is to obtain reference materials in the library and archive to answer all the existing problems. Through the analysis of the researchers related to this study, it was found that the Kesatuan Melayu Muda and the Kuomintang Party strongly support the struggle for nationalism and are very radical in defending the nation and the homeland that is fought for in forming such high values of nationalism among the people defended by these organizations during the era of the century 20th around in anticipation of the Second World War era according to the scope of the study. Therefore, great nationalism through the Kesatuan Melayu Muda and the Kuomintang Party should be appreciated as a face of community unification and arousing the spirit of love for the nation and country in sowing such a high patriotic spirit among all levels of society.

## **ISI KANDUNGAN**

<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
<b>PENGAKUAN</b>	
<b>PENGESAHAN</b>	
<b>PENGHARGAAN</b>	i
<b>ABSTRAK</b>	ii
<b>KANDUNGAN</b>	iii
<b>SENARAI FOTO</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	vii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	viii
<b>BAB 1 : PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	3
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Sorotan Literatur	5
1.5 Kepentingan Kajian	9
1.6 Skop Kajian	9
1.7 Metodologi Kajian	10
1.8 Pembahagian Bab	11
1.9 Kesimpulan	12
<b>BAB 2 : LATAR BELAKANG KESATUAN</b>	<b>13</b>
<b>MELAYU MUDA DAN PARTI KUOMINTANG</b>	
2.1 Pengenalan	13
2.2 Latar Belakang	13
2.3 Latar Belakang Persatuan-Persatuan Politik	14
2.4 Sejarah Penubuhan Kesatuan Melayu Muda	19
2.5 Penglibatan Politik KMM di Tanah Melayu	23

2.6	Sejarah Penubuhan Parti Kuomintang	25
2.7	Kemasukan dan Penglibatan Parti Kuomintang Di Tanah Melayu	28
2.8	Kesimpulan	35

**BAB 3 : UNSUR-UNSUR KUOMINTANG DALAM 35**

**KESATUAN MELAYU MUDA**

3.1	Pengenalan	35
3.2	Latar Belakang	35
3.3	Pembawaan Ideologi Kuomintang (KMT)	36
3.4	Pembawaan Ideologi Kesatuan Melayu Muda (KMM)	38
3.5	Pemimpin-Pemimpin Parti Kuomintang	41
3.6	Pemimpin Kesatuan Melayu Muda	50
3.7	Perkembangan Kuomintang Terhadap Nasionalisme Di Asia Tenggara Dan Di Tanah Melayu Dan Pengaruh Kuomintang Dalam Kesatuan Melayu Muda	63
3.8	Kesimpulan	78

**BAB 4 : PERBANDINGAN PARTI KUOMINTANG DAN 79**

**KESATUAN MELAYU MUDA**

4.1	Pengenalan	79
4.2	Latar Belakang	79
4.3	Perbandingan Aspek Nasionalisme Antara KMT Dan KMM	80
4.4	Perbandingan Antara KMM Dan KMT Aspek Haluan Perjuangan	84
4.5	Perbandingan Antara KMT Dan KMM Aspek Golongan Pejuang	88
4.6	Perbandingan Antara KMT Dan KMM Aspek Perwakilan Kaum	91
4.7	Kesimpulan	94

<b>BAB 5: KESIMPULAN PENUH</b>	<b>95</b>
<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>100</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>109</b>



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI FOTO**

	Halaman
2. 4 Bendera Kesatuan Melayu Muda	17
2.6 Parti Kuomintang	23
2.6.1 Penubuhan Kerajaan Republik China	24
3.5.1 Dr Sun Yat Sen	38
3.5.2 Chiang Kai Shek	43
3.6.1 Ibrahim Haji Yaakob	46
3.6.2 Ahmad Boestamam	50
3.6.3 Ishak Haji Muhammad (Pak Sako)	53
3.6.4 Abdul Kadir Adabi	56

## **SENARAI JADUAL**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

	Halaman
1.0 Cawangan dan Ranting KMT di Tanah Melayu dan Singapura Pada Tahun 1924	67

## **SENARAI SINGKATAN**

KMT	Parti Kuomintang/Kuomintang Party
KMM	Kesatuan Melayu Muda
PKC	Parti Komunis China
ROC	Republic Of China
MPSI	Maktab Perguruan Sultan Idris
SITC	Sultan Idris Training College
PKM	Parti Komunis Malaya
MPAJA	Malayan People Anti Japanese Army
PKMM	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PRM	Parti Rakyat Malaya





**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Nasionalisme adalah satu perasaan yang menyuburkan semangat cinta akan bangsa dan tanah air dalam kalangan manusia sejak sekian dahulu lagi. Nasionalisme sangat menjulang bangsa sehingga menjadikan sebagai tanah tumpahnya darah dimana menjunjung tinggi bangsa sama ada dalam sesuatu perkara yang baik dan buruk.<sup>1</sup> Pada abad ke-20 telah menjadi titik saksi terhadap kemunculan nasionalisme yang pesat berlaku dalam kalangan masyarakat di pelusuk dunia yang menjadi catatan sejarah terhadap semangat nasionalisme yang muncul. Kemunculan Parti Kuomintang di China dan Kesatuan Melayu Muda di Tanah Melayu bukanlah satu kebetulan kerana pertubuhan tersebut direncanakan atas semangat nasionalisme barisan masyarakat yang mempunyai semangat untuk menjulang sesuatu bangsa sehingga menjadikan satu semangat terhadap cintakan negara dalam erti kata lain untuk berusaha memajukan dan membawa bangsa yang dijulang kepada kehidupan yang lebih baik.

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Pertubuhan Parti Kuomintang di China oleh Dr Sun Yat Sen pada 1912 memperlihatkan semangat nasionalisme yang tinggi terhadap masyarakat China dalam pada masa yang sama cuba untuk menjatuhkan kerajaan Manchu yang mempunyai banyak masalah dan keburukan sepanjang pemerintahan dinasti tersebut dalam pada masa yang sama tidak membawa apa-apa impak positif terhadap China. Dalam pada yang sama kedatangan penjajah asing telah memberikan kesengsaraan kepada masyarakat China kerana seolah-olah mandat dari tuhan seakan pudar disamping bencana alam yang berlaku sewaktu pemerintahan Manchu telah menyebabkan ramai masyarakat Cina bertindak keluar dan berhijrah ke negara lain bagi mendapatkan kehidupan yang stabil.<sup>2</sup> Selepas kerajaan Manchu dijatuhkan dan kerajaan Republik China ditubuhkan berlakunya

<sup>1</sup> K Ramanathan (a). Konsep Asas Politik. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Pustaka, 1988, hlm 163.

<sup>2</sup> John King Fairbank. The Greatest Chinese Revolution, 1800-1985. New York : Harper Perennial, 1987, hlm 161.

beberapa perkara yang berlaku sepanjang pemerintahan kerajaan KMT dari era Dr Sun Yat Sen sehingga kepada pemerintahan Chiang Kai Shek yang memerintah kerajaan Republik di China.

Pertubuhan Kesatuan Melayu Muda pada 1938 di Tanah Melayu oleh Ibrahim Haji Yaakob dan beberapa orang pelajar daripada MPSI adalah bertujuan melindungi hak-hak orang Melayu daripada kerajaan British dan pada masa yang sama mengkritik golongan aristokrat dan pihak kerajaan British di Tanah Melayu yang tidak mengendahkan hak-hak dan jaminan orang Melayu di Tanah Melayu. KMM merupakan pertubuhan politik bersifat kebangsaan di Tanah Melayu dalam usaha menggulingkan pemerintahan Inggeris di Tanah Melayu dengan cara yang radikal dan menyatukan Tanah Melayu dengan Republik Indonesia dalam membentuk Melayu Raya.<sup>3</sup> KMM sangat menjulang orang-orang Melayu dalam mendesak pihak British untuk tidak melupakan hak-hak orang Melayu dan pada masa yang sama menyeru kebangkitan orang Melayu dalam usaha melindungi orang-orang Melayu agar tidak ditindas di tanah air sendiri. Pada 1942 KMM diharamkan oleh pihak Jepun setelah bekerjasama dengan pihak Jepun dalam menghalau pihak British di Tanah Melayu akan tetapi KMM telah dikhianati oleh Jepun terhadap permintaan KMM terhadap kemerdekaan selepas membantu Jepun menghalau pihak British di Tanah Melayu dan pihak Jepun menolak permintaan tersebut lalu terus menjadi penjajah ke atas Tanah Melayu.

Pertubuhan politik seperti Parti Kuomintang di China dan Kesatuan Melayu Muda di Tanah Melayu merupakan pertubuhan bersifat nasionalisme dalam usaha membela bangsa dalam menyemai semangat cinta akan tanah air dalam usaha membentuk masa hadapan bangsa yang lebih baik. Oleh yang demikian, dalam kajian ini akan mengupas dengan lebih lanjut berkaitan dengan sejarah nasionalisme diantara Parti Kuomintang di China dan Kesatuan Melayu Muda di Tanah Melayu.

---

<sup>3</sup> Yahya Ismail. 1986. Kemana Hilangnya Melayu. Pulau Pinang : Dinamika Kreatif Sdn Bhd, 1986, hlm 20.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Apabila berbicara tentang sejarah berkaitan nasionalisme sudah pasti penceritaan adalah pelbagai dan menarik disamping mempunyai pengajaran tersendiri melalui peristiwa-peristiwa sejarah yang berlaku. Pada abad ke-20 merupakan salah satu abad yang menyaksikan banyak peristiwa nasionalisme yang berlaku dalam kalangan masyarakat diseluruh dunia. Penubuhan Parti Kuomintang di China pada 1912 oleh Dr Sun Yat Sen yang menentang Dinasti Manchu yang membawa pelbagai masalah sehingga telah memberikan peluang kepada penjajah asing untuk menjajah China dalam usaha untuk membawa kepada nasionalisme di China sehinggalah berjaya menggulingkan Dinasti Manchu di China dalam membentuk kerajaan republik di China sehinggalah kepada pemerintahan Chiang Kai Shek yang mengambil alih pemerintahan kerajaan Kuomintang dan menggantikan Dr Sun Yat Sen selepas beliau meninggal dunia. Dimana mempunyai peristiwa-peristiwa dan perkara-perkara yang tersendiri.

Di Tanah Melayu penubuhan Kesatuan Melayu Muda pada 1938 oleh Ibrahim Haji Yaakob dan beberapa orang pelajar daripada MPSI adalah berusaha membawa kepada perjuangan nasionalisme dalam membela nasib orang Melayu di Tanah Melayu dan lantang menyeru kebangkitan Melayu disamping mengkritik golongan kerajaan British dan aristokrat Melayu yang tidak memperdulikan orang Melayu. Perjuangan nasionalisme oleh Kesatuan Melayu Muda melalui pelbagai peristiwa dan perkara-perkara yang menjadi catatan sepanjang perjuangan nasionalisme oleh Kesatuan Melayu Muda sehingga pengharaman KMM pada 1942 oleh pihak Jepun yang menjajah tanah Melayu pada 1941 atas bantuan KMM yang cuba menhalau pihak British di Tanah Melayu.

Tanpa kita sedari antara kedua-dua pertubuhan tersebut mempunyai dasar-dasar nasionalisme yang menjadi hala tuju perjuangan yang utama dalam membela bangsa dan tanah air dalam membentuk keamanan dan kehidupan yang lebih baik dalam kalangan bangsa dan tanah air yang diperjuangkan. Melihat kepada perjuangan nasionalisme antara kedua-dua pertubuhan tersebut menunjukkan bahawa usaha dalam membentuk kebangkitan bangsa untuk terus maju dan juga membawa keamanan negara dengan lebih serius bagi membentuk konteks masa hadapan negara yang aman damai serta makmur dalam pada masa yang sama mencorakkan masa depan negara bangsa yang lebih maju tidak haru diketepikan.

Oleh yang demikian tidak hairanlah bahawa penubuhan Parti Kuomintang adalah untuk membela nasib orang Cina yang bukan sahaja di negara China malahan turut membela nasib orang Cina di luar negara dan penubuhan Kesatuan Melayu Muda adalah membela nasib-nasib orang Melayu di Tanah Melayu melalui perjuangan nasionalisme yang berlaku disebabkan oleh perkara-perkara dan peristiwa-peristiwa tertentu tertentu yang membangkitkan kesedaran nasionalisme terhadap kedua-dua pertubuhan tersebut. Apakah nasionalisme antara Parti Kuomintang di China dan Kesatuan Melayu Muda di Tanah Melayu mempunyai perkaitan? Dan apakah perbandingan diantara kedua-dua pertubuhan tersebut boleh dilakukan? Terdapat persoalan tersebut berlaku dalam pemikiran anak muda ini. Hal ini kerana sejarah berkaitan nasionalisme lebih luas berkaitan gerakan-gerakan nasionalisme di Asia akan tetapi berkaitan nasionalisme bagi Parti Kuomintang yang memperjuangkan nasionalisme di China dan Kesatuan Melayu Muda yang memperjuangkan nasionalisme di Tanah Melayu kurang pendedahan terhadap antara dua pertubuhan nasionalisme tersebut.

Sehubungan dengan itu, sejarah berkaitan dengan nasionalisme diantara Parti Kuomintang dan Kesatuan Melayu Muda dipergiatkan lagi dengan menceritakan sejarah antara kedua pertubuhan tersebut dengan lebih terperinci agar ianya tidak dibawa arus zaman yang kini semakin mempertikaikan sejarah perjuangan nasionalisme antara dua pertubuhan tersebut. Oleh itu, permasalahan mengenai kajian ini telah membawa kepada beberapa persoalan yang perlu dijawab iaitu :

1. Apakah latar belakang Kesatuan Melayu Muda dan Parti Kuomintang sebagai pertubuhan yang bercorak nasionalisme.
2. Apakah terdapat unsur-unsur Kuomintang dalam Kesatuan Melayu Muda
3. Apakah perbandingan Parti Kuomintang dan Kesatuan Melayu Muda dalam pelbagai aspek sebagai pertubuhan nasionalisme.

### **1.3 Objektif kajian**

Bagi mencapai penyelesaian kepada permasalahan kajian yang telah dinyatakan, pengkaji telah menetapkan beberapa objektif dalam kajian yang akan dikaji. Oleh itu objektif pertama adalah memperkenalkan latar belakang Kesatuan Melayu Muda dan Parti Kuomintang sebagai pertubuhan bercorak nasionalisme yang begitu memperjuangkan nasionalisme bangsa pada abad ke-20.

Seterusnya, objektif kedua adalah akan menjelaskan tentang unsur-unsur Kuomintang dalam Kesatuan Melayu Muda. Hal ini kerana kemasukan Parti Kuomintang di Tanah Melayu oleh orang-orang Cina sejak sekian lama kebarangkalian mempengaruhi perjuangan Kesatuan Melayu Muda terhadap perjuangan nasionalisme melalui kerjasama yang berlaku sewaktu penjajahan Jepun di Tanah Melayu.

Objektif ketiga adalah mengkaji tentang perbandingan Parti Kuomintang dan Kesatuan Melayu Muda sebagai pertubuhan yang sangat memperjuangkan nasionalisme. Dalam objektif ini merumuskan tentang persamaan dan perbezaan antara kedua-dua pertubuhan tersebut dalam pelbagai aspek selaku pertubuhan yang memperjuangkan nasionalisme.

### **1.4 Sorotan Literatur**

Tidak dapat dinafikan bahawa penulisan mengenai nasionalisme yang berkaitan Parti Kuomintang di China dan Kesatuan Melayu Muda di Tanah Melayu bukanlah sedikit kerana banyak menjadikan sebagai rujukan pengkaji yang mahu memahami sejarah tentang nasionalisme yang melibatkan Parti Kuomintang dan Kesatuan Melayu Muda yang menjadi salah satu pertubuhan yang sangat menitikberatkan terhadap nasionalisme yang diperjuangkan oleh setiap pertubuhan tersebut yang mempunyai pelbagai objektif yang tersendiri dalam nasionalisme. Hal ini telah menimbulkan banyak idea-idea baru dalam mengupas sejarah tentang nasionalisme antara kedua-dua pertubuhan tersebut iaitu Parti Kuomintang dan Kesatuan Melayu Muda.

Misalnya, buku Asal Usul Golongan Kiri Melayu : Satu Analisis berkenaan Kesatuan Melayu Muda karya Rustam A. Sani(2011). Keseluruhan perbincangan dalam penulisan beliau menceritakan dari segi analisis Kesatuan Melayu Muda merupakan pertubuhan radikal Melayu dan berhaluan kiri yang menekankan banyak perkara berkaitan nasionalisme dimana daripada sejarah penubuhan, gerakan,

matlamat dan sebagainya yang menjadi sebuah analisis kepada Kesatuan Melayu Muda banyak memberikan tentang perkembangan-perkembangan idea-idea perjuangan Kesatuan Melayu Muda dalam mendokong matlamat nasionalisme yang begitu tinggi dalam membela orang-orang Melayu di Tanah Melayu. Oleh hal yang demikian dapat mengupas serba sedikit latar belakang berkaitan Kesatuan Melayu Muda sebagai pertubuhan nasionalisme yang sangat mementingkan kepada penyatuan bangsa dan juga konsep negara bangsa di Tanah Melayu.

Seterusnya adalah buku Sejarah China Modern karya Suffian Mansor(2009). Buku ini banyak menceritakan tentang sejarah China modern dan juga turut menerangkan kemunculan Parti Kuomintang merupakan parti yang menjalankan revolusi di China dengan cuba menumbangkan sistem monarki Manchu dan menubuhkan sebuah kerajaan Republik China dimana menceritakan secara terperinci peristiwa-peristiwa nasionalisme di China daripada jatuhnya kerajaan Manchu sehingga penubuhan kerajaan Republik di China dan memperlihatkan peristiwa-peristiwa yang berlaku di China semasa pemerintahan kerajaan Kuomintang di China. Melalui buku ini pengkaji dapat menceritakan sejarah China dan kebangkitan nasionalisme di China serta perkara-perkara berkaitan Parti Kuomintang dapat dihuraikan dengan terperinci untuk memudahkan pembaca mengetahui situasi nasionalisme yang berlaku di China.

Selanjutnya dalam buku bertajuk Pejuang-Pejuang Kemerdekaan oleh Ramlah Adam(2003) banyak menceritakan tentang tokoh-tokoh yang berperanan dalam kemerdekaan di Tanah Melayu tidak kurang juga terdapat penulisan berkaitan biografi antara tokoh-tokoh dalam Kesatuan Melayu Muda dan ini menjadi satu perkara yang penting kepada pengkaji untuk mengkaji pejuang-pejuang yang membawa kepada nasionalisme dalam pertubuhan politik iaitu Kesatuan Melayu Muda.

Seterusnya, dalam sebuah buku menjadi panduan dalam kajian pengkaji adalah sebuah buku bertajuk Sun Yat Sen Biography oleh Qing-Qing Jiang(2022)<sup>4</sup> menjadi sebuah panduan pengkaji dalam mengkaji latar belakang tokoh pengasas kepada KMT iaitu Dr Sun Yat Sen dalam menganalisis sejarah hidup dan perjuangan

---

<sup>4</sup> Qing Qing Jiang. Sun Yat Sen Biography. China : Quora Chinese, 2020, hlm 66.

Dr Sun Yat Sen secara teratur dan jelas dengan penyampaian penulisan yang mudah untuk difahami.

Seterusnya sebuah artikel penulisan Oong Hak Ching yang bertajuk Kerjasama British Dengan Parti Komunis Malaya Dan Kuomintang : Kesan-Kesannya Terhadap Dasar-Dasar British Di Tanah Melayu 1941- 1945. Dalam penulisan ini membahaskan tentang keberadaan Parti Kuomintang di Tanah Melayu yang membawa kerjasama PKM dan Parti Kuomintang serta British bersama menentang tentera Jepun yang berada di Singapura pada 1941. Oleh itu dalam artikel tersebut dijadikan sandaran dalam menunjukkan keberadaan Parti Kuomintang di Tanah Melayu melalui beberapa gerakan-gerakan dalam mempelbagaikan rujukan berkaitan keberadaan KMT di Tanah Melayu.<sup>5</sup>

Selanjutnya, sebuah artikel bertajuk Parti Komunis China Dan Kedudukan Kaum Tani Dalam Revolusi, 1922-1937 Satu Perbincangan Ringkas oleh Rupawan Ahmad(1985) dalam artikel ini mencatatkan tentang kewujudan kerjasama antara KMT dan PKC dalam usaha memberikan revolusi di China dan juga memperlihatkan perpecahan antara KMT dan PKC sewaktu pemerintahan Chiang Kai Shek di China.<sup>6</sup> Dalam artikel ini banyak membantu pengkaji menjelaskan bagaimana cawangan-cawangan atau ranting-ranting KMT di Tanah Melayu dan disekitar Asia Tenggara menjadi landasan kepada komunisme sewaktu tempoh kerjasama PKC dan KMT di China.

Selanjutnya, sebuah artikel bertajuk Perkembangan Persatuan Tiga Kaum Utama Di Tanah Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua karya Faezah Kassim(2017), dalam artikel ini menceritakan tentang perkembangan beberapa persatuan yang diwakili oleh tiga kaum utama di Tanah Melayu dan tidak terkecuali artikel tersebut menulis tentang perkembangan tentang Kesatuan Melayu Muda menjadi pertubuhan nasionalisme bagi masyarakat Melayu dan juga Parti Kuomintang dibawa oleh masyarakat Cina dari negara asal yang berusaha menyebarkan perjuangan di Tanah Melayu untuk orang-orang Cina yang berada di Tanah Melayu bagi memberikan

---

<sup>5</sup> Oong Hak Ching. Kerjasama British Dengan Parti Komunis Malaya Dan Kuomintang : Kesan-Kesannya Terhadap Dasar-Dasar British Di Tanah Melayu 1941- 1945. JEBAT. Jilid 18(1), 1990, hlm 131-143.

<sup>6</sup> Rupawan Ahmad. bertajuk Parti Komunis China Dan Kedudukan Kaum Tani Dalam Revolusi, 1922-1937 Satu Perbincangan Ringkas. Jebat, Jilid 13, 57, 1985, hlm 57-68.

sokongan terhadap negara asal.<sup>7</sup> Dalam artikel tersebut banyak memberikan kemudahan kepada pengkaji untuk menganalisis tentang perkembangan di antara kedua-dua parti tersebut untuk dibuat analisis perbandingan dalam bab 4 untuk latihan ilmiah pengkaji.

Memandangkan kajian ini melibatkan unsur-unsur politik maka sebuah buku dijelaskan melalui Rustam Sani berjudul Asal Usul Sosial Golongan Kiri Melayu : Satu Analisis Berkenaan Kesatuan Melayu Muda dimana bab ini turut menjelaskan tentang penglibatan politik Kesatuan Melayu Muda di Tanah Melayu sepanjang tempoh perjalanan Kesatuan Melayu Muda sebagai pertubuhan nasionalisme Melayu yang banyak membangkitkan kesedaran terhadap perjuangan nasionalisme dalam kalangan masyarakat Melayu. Perkara ini meyakinkan pengkaji bahawa karya beliau adalah sumber yang baik bagi pengkaji.

Dalam sebuah tesis bertajuk Keadaan Sosial Di Tanah Melayu 1948-1960<sup>8</sup> sebuah tesis Ho Hui Ling menjelaskan secara terperinci penglibatan politik KMT di Tanah Melayu dan secara tidak langsung memberikan gambaran jelas dalam pengkaji dalam kelompongan dan dapat menimbulkan persoalan-persoalan pengkaji untuk menjawab persoalan yang timbul. Melihat kepada tesis ini banyak memberikan input-input yang terbaharu tentang kewujudan KMT di Tanah Melayu sebagai pertubuhan atau parti politik nasionalis China bagi membentuk sokongan orang Cina di Tanah Melayu dalam memberikan sokongan di China.

Akhir sekali, sebuah buku bertajuk Republicanism, Communism, Islam oleh John T Sidel. Melalui buku ini telah menceritakan tentang nasionalisme antara Kesatuan Melayu Muda dan Parti Kuomintang dalam penglibatan politik dan secara jelas memperlihatkan kepada perjalanan politik antara kedua-dua pertubuhan tersebut dalam gerakan nasionalisme dalam memberikan gambaran kepada pengkaji untuk memahami penglibatan politik antara kedua-dua pertubuhan tersebut dan pada masa yang sama maklumat yang dijelaskan dengan padat melalui kronologi perjalanan cerita yang jelas.

---

<sup>7</sup> Faezah Kassim. Perkembangan Persatuan Tiga Kaum Utama Di Tanah Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Syah, Vol 4(1), 2017, 188-209.

<sup>8</sup> Ho Hui Ling. Keadaan Sosial Di Tanah Melayu 1948-1960. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 2003, hlm 1.

## **1.5 Kepentingan Kajian**

Penulisan kajian ini penting memperlihatkan sejarah nasionalisme yang melibatkan Parti Kuomintang di China dan juga Kesatuan Melayu Muda di Tanah Melayu dengan lebih penting dan terperinci kerana menjelaskan berkaitan sejarah nasionalisme yang wujud diantara Parti Kuomintang yang memperjuangkan nasionalisme bagi negara China dalam membela bangsa Cina bukan sahaja di China malahan di luar China serta Kesatuan Melayu Muda yang memperjuangkan nasionalisme orang-orang Melayu disegenap Tanah Melayu. Tambahan pula, secara mendapat kajian ini akan lebih menjelaskan terhadap perkara yang berkaitan nasionalisme dimana telah menzahirkan semangat cinta akan tanah air yang begitu tinggi dalam menyemai semangat masyarakat yang berjiwa patriotik yang tinggi dalam menyemai perasaan sayang dan cinta akan negara. Pengenalan kepada nasionalisme Parti Kuomintang dan Kesatuan Melayu Muda dapat memberikan satu semangat dan dorongan kepada anak muda yang memperlihatkan rata-rata golongan muda yang menjadi tokoh antara kedua-dua parti tersebut mempunyai pemikiran yang bijaksana dalam memajukan masyarakat agar terus sedar terhadap kepentingan bangsa dan tanah air.

Kajian ini akan memfokuskan di antara kedua-dua pertubuhan tersebut yang membawa sebuah nasionalisme dalam membentuk kesedaran terhadap kepentingan terhadap semangat cinta akan tanah air dan membela nasib-nasib bangsa agar tidak tertindas dan terus maju kehadapan dalam membentuk tanah air yang maju dan sejahtera. Tindakan kedua-dua pertubuhan tersebut telah memberikan impak yang begitu besar terhadap nasionalisme pada ketika itu.

## **1.6 Skop Kajian**

Skop kajian dibahagikan dalam beberapa aspek iaitu bidang kajian dalam penyelidikan, tempoh masa atau tahun yang dipilih dalam kajian dan tempat yang dipilih untuk menjalankan kajian. Perbandingan antara Parti Kuomintang dan Kesatuan Melayu Muda pada abad ke-20, ianya mengfokuskan kepada nasionalisme dan perjuangan antara kedua-dua parti tersebut dari segi penceritaan sejarah perjalanan nasionalisme antara kedua-dua pertubuhan tersebut agar muda difahami. Skop tempat adalah di China bagi Parti Kuomintang dimana ditubuhkan di China manakala Kesatuan Melayu Muda di Tanah Melayu dimana skop tempat tersebut menceritakan perjalanan nasionalisme antara kedua-dua pertubuhan tersebut.

Seterusnya dari aspek tempoh kajian yang dipilih sekitar abad ke-20 dimana menceritakan dari sudut sebelum penbuhan, semasa dan selepas serta perjalanan nasionalisme antara kedua-dua pertubuhan tersebut dimana turut mengandungi tempoh era Perang Dunia Kedua yang berlangsung dalam kajian tersebut dimana telah mencatatkan sejarah kebangkitan nasionalisme antara kedua-dua pertubuhan tersebut yang berlaku ketika itu.

### **1.7 Metodologi Kajian**

Penyelidikan ini akan menggunakan metod kajian nerdasarkan disiplin ilmu sejarah dimana pengkaji menggunakan kajian dalam kaedah kualitatif bagi mengumpul dan menganalisis data. Sumber primer turut digunakan dalam kajian ini seperti rekod-rekod berkaitan Parti Kuomintang dan Kesatuan Melayu Muda sepanjang perjalanan nasionalisme yang dilakukan dalam kalangan kedua-dua pertubuhan tersebut. Terdapat juga dokumen yang lain seperti gambar-gambar berkaitan dengan kedua-dua pertubuhan tersebut dan peristiwa-peristiwa yang melibatkan kedua-dua pertubuhan tersebut seperti laporan, surat dan rekod-rekod yang lain.

Di samping itu, pengkaji menggunakan sumber sekunder bagi menyokong hujah dan keaslian kajian ini seperti buku-buku, akhbar-akhbar, laman web rasmi yang diiktiraf dan risalah berkaitan antara nasionalisme bagi kedua-dua pertubuhan tersebut iaitu Parti Kuomintang dan Kesatuan Melayu Muda.

Bagi memperoleh data dan maklumat yang diperlukan, pengkaji mendapatkan bahan dari Arkib Negara Malaysia, Arkib Cawangan Negeri Perak. Manakala bahan sumber sekunder pula pengkaji mendapatkan bahan daripada Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang ,Perpustakaan Awam Cawangan Taiping dan Perpustakaan Desa Kampung Pinang, Kamunting. Sumber yang didapati adalah seperti buku-buku, jurnal, latihan ilmiah akhbar dan banyak lagi maklumat tambahan yang lain. Kajian ini dijalankan dengan mencari dan mengumpul maklumat daripada sumber-sumber berkaitan dan dikaji untuk dianalisis dan dinilai sehingga mendapatkan kesimpulan bagi menjawab objektif yang telah dinyatakan.

## **1.8 Pembahagian Bab**

Penulisan ilmiah ini dibahagikan kepada lima bab utama. Setiap bab akan membincangkan topik yang berlainan mengikut objektif yang ditetapkan, namun masih berada dalam likungan tajuk utama yang sama.

**Bab pertama** akan menyentuh tentang pengenalan kepada tajuk latihan ilmiah yang akan dikaji. Dalam bab 1 mengandungi pengenalan kajian, objektif kajian, sorotan literatur, kepentingan kajian, metodologi kajian, skop kajian, pembahagian bab dan kesimpulan. Bab pertama ini merupakan panduan dan pendedahan tentang tajuk yang akan dikaji dalam penulisan ilmiah ini.

**Bab kedua** akan menerangkan latar belakang Kesatuan Melayu Muda dan Parti Kuomintang yang merupakan pertubuhan yang ditubuhkan sebagai pertubuhan nasionalisme. Melalui bab ini menerangkan sejarah penubuhan Kesatuan Melayu Muda dan Parti Kuomintang, penglibatan politik KMM di Tanah Melayu dan Kemasukan dan penglibatan Parti Kuomintang di Tanah Melayu.

**Bab ketiga** akan menerangkan unsur-unsur Kuomintang dalam Kesatuan Melayu Muda. Melalui bab ini akan menereangkan dengan lebih terperinci pembawaan ideologi KMT (Kuomintang) dan pembawaan ideologi KMM (Kesatuan Melayu Muda), barisan-barisan pemimpin Kuomintng dan pemimpin-pemimpin Kesatuan Melayu Muda serta perkembangan Kuomintang terhadap nasionalisme di Asia Tenggara di Tanah Melayu dan pengaruh Kuomintang dalam Kesatuan Melayu Muda. Dalam bab ini menerangkan bahawa kebarangkalian terdapat unsur-unsur nasionalisme yang dibawa dalam parti Kuomintang mempengaruhi perjuangan KMM iaitu Kesatuan Melayu Muda.

Seterusnya dalam **bab keempat** ialah pengkaji akan menilai perbandingan antara Parti Kuomintang dan Kesatuan Melayu Muda melalui perbandingan beberapa aspek nasionalisme, haluan perjuangan, golongan pejuang dan perwakilan kaum dimana perbandingan dilakukan dalam bab ini dapat mencari persamaan dan perbezaan antara kedua-dua pertubuhan tersebut dalam nasionalisme yang dilakukan.

**Bab kelima** iaitu bab terakhir merupakan rumusan atas keseluruhan kajian yang telah dibuat daripada bab keduasehingga ke bab empat. Bab ini akan

meringkaskan penjelasan daripada setiap bab bagi memudahkan pengkaji akan datang menjadikan penulisan ini sebagai rujukan mereka.

### **1.9 Kesimpulan**

Kesimpulannya, keseluruhan kajian ini akan memfokuskan kepada pertubuhan Parti Kuomintang dan Kesatuan Melayu Muda bermula sebelum era Perang Dunia Kedua sehinggalah selepas era nasionalisme dan Perang Dunia Kedua berakhir sekitar abad ke-20. Dalam perbincangan akan menganalisis sejarah berkaitan dengan nasionalisme di antara kedua-dua pertubuhan tersebut dalam perjuangan nasionalisme dalam menyemai semangat cinta akan tanah air dan setia dalam mempertahankan negara dan melindungi negara dalam menyemai keamanan yang berpanjangan. Seperti yang dalam objektif dimana kajian ini memfokuskan tentang nasionalisme antara Parti Kuomintang dan Kesatuan Melayu Muda. Tidak ketinggalan serba sedikit kedatangan Jepun ke China dan Tanah Melayu telah mempengaruhi serba sedikit nasionalisme antara kedua-dua pertubuhan tersebut pada ketika itu. Seterusnya, bagi keseluruhan pengkaji akan mengkaji perbandingan antara kedua-dua pertubuhan tersebut dalam memperlihatkan dari pelbagai aspek berkaitan dalam mencari persamaan dan perbezaan yang berjaya dikupas yang memperlihatkan kedua-dua pertubuhan tersebut sangat memperjuangkan nasionalisme ketika itu.

Tambahan lagi melalui kajian ini dapat membantu menghuraikan berkaitan nasionalisme antara Kesatuan Melayu Muda dan Parti Kuomintang dengan harapan adalah anak muda lebih bersemangat dalam menjadikan kajian ini sebagai inspirasi kepada semangat cinta akan negara dan semangat patriotik yang begitu tinggi dan menyemai sikap ingin tahu dengan sejarah berkaitan dengan nasionalisme yang memberikan banyak sumbangan kepada segenap lapisan masyarakat.